

28/08/1997

MDS tadbir Cyberjaya, Putrajaya

Rasid Rahaman

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan Selangor hari ini meluluskan kawasan seluas 750 kilometer persegi membabitkan Cyberjaya, Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan sebahagian Koridor Raya Multimedia (MSC) di Sepang dekat sini, dimasukkan ke dalam pentadbiran Majlis Daerah Sepang (MDS).

Kemasukan kawasan itu dibuat mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar berkata, keputusan itu diluluskan dalam mesyuarat mingguan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) hari ini dalam usaha memastikan semua pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan itu dapat dikawal dan benar-benar mencerminkan sebuah bandar teknologi tinggi.

"Kita bincangkan satu dua perkara dalam mesyuarat kali ini, antara yang penting kita meluluskan kawasan seluas 750 kilometer persegi membabitkan Cyberjaya, Putrajaya, KLIA dan sebahagian MSC dimasukkan ke dalam pentadbiran MDS.

"Kemasukan tiga kawasan terbabit ke dalam pentadbiran MDS mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Hashim Meon; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof dan Pegawai Undang-undang Negeri, Ahmadi Asnawi.

Abu Hassan berkata, dengan kemasukan Cyberjaya, Putrajaya, KLIA dan sebahagian MSC itu, kawasan pentadbiran MDS kini lebih luas, berbanding sebelum ini.

Untuk itu, katanya, SUK ditugaskan berunding dengan pegawai atau pakar dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Unit Perancang Ekonomi negeri (Upen), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Multimedia Development Corporation (MDC) supaya dapat memastikan apa jua jenis pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan itu mestilah mengikut kehendak Kerajaan Persekutuan.

"Kini kawasan itu sudah mempunyai akta atau undang-undang, berbanding sebelum ini.

"Oleh itu, kita akan meminta pemaaju memberi kerjasama sepenuhnya bagi memastikan matlamat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan bandar teknologi tinggi yang terkemuka di kawasan itu dapat dilaksanakan," katanya.

(END)